



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
2 JULAI 2019 (SELASA)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	'MASUK DALAM SYARAT LESEN'
MUKA SURAT	33

'Masuk dalam syarat lesen'

Selangor letak klausa larangan dalam syarat mohon lesen niaga

NORAFIZA JAAFAR

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor akan meletakkan klausa larangan straw plastik dalam syarat permohonan lesen perniagaan premis makanan dalam masa terdekat.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan

Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, tiada penguatkuasaan Kempen Bebas Straw Plastik dalam masa terdekat namun menyasarkan kaedah itu akan diguna pakai pada 2025.

Menurutnya, buat masa ini kerajaan negeri mengambil pendekatan mendidik dan meningkatkan pengurangan penggunaan straw plastik.

"Kerajaan negeri beri masa yang cukup kepada pengusaha dan orang awam untuk membiasakan diri. Tidak ada penguatkuasaan atau denda dalam masa terdekat sebaliknya mendidik mereka agar tidak lagi menggunakan ba-



Loy Sian (kiri) dan Haris mengedarkan notis pemberitahuan Kempen Bebas Straw Plastik di Plaza Shah Alam semalam.

han berunsur plastik.

"Jika 10 peratus daripada 3.2 juta rakyat Malaysia menggunakan straw plastik setiap hari berapa jumlah

sampah plastik yang akan terkumpul? Perkara itu yang cuba kerajaan negeri sampaikan, bukan berniat menyusahkan rakyat," ka-

tanya.

Beliau berkata demikian pada program edaran notis pemberitahuan Bebas Straw Plastik dan tinjauan hari pertama pelaksanaan kempen itu di Plaza Shah Alam semalam.

Turut hadir Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam, Datuk Haris Kasim.

Katanya, beliau mendapati masih ramai tidak mengetahui berkenaan kempen larangan straw plastik tersebut yang bermula semalam.

"Premis dilarang memberikan straw plastik secara automatik bagi setiap pesanan, tidak mempa-merkan atau meletakkan

straw di kawasan terbuka (kaunter) dan pemberian straw diberikan secara percuma hanya apabila diminta oleh pelanggan.

"Kerajaan negeri menggalakkan pengusaha mengambil inisiatif menggantikan straw plastik kepada straw kertas. Sementara pelanggan boleh membawa sendiri straw guna semula (*reusable*)," katanya.

Loy Sian berkata, ia membantu mengurangkan pencemaran dan memelihara alam sekitar.

"Kempen telah dilaksanakan di peringkat agensi dan jabatan negeri sebelum diperluaskan kepada orang awam," katanya.

LARANGAN STRAW PLASTIK



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	KILANG DIARAH TUTUP DUA MINGGU
MUKA SURAT	34

Kilang diarah tutup dua minggu

SHAH ALAM - Kilang memproses minyak sawit yang dikesan menjadi punca pencemaran bau di Sungai Semenyih, Rabu lalu diarah henti operasi selama dua minggu.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, ujian kimia daripada kilang tersebut sudah diambil dan keputusan dijangka diketahui dalam tempoh seminggu.

Menurutnya, pemilik kilang berdepan denda maksimum sehingga RM100,000 atau penjara lima tahun di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 2009 jika disabit kesalahan.

“Siasatan awal mendapati terdapat kebocoran pada sistem saliran bukan disebabkan kurang penguatkuasaan,” katanya semalam.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	CARI DALANG PUNCA KEBAKARAN
MUKA SURAT	34

Cari dalang punca kebakaran

PELABUHAN KLANG - Kerajaan Selangor sedang mengenalpasti pihak tidak bertanggungjawab yang menyebabkan kebakaran di tapak pelupusan sampah haram di Jalan Sungai Saim Kampung Rantau Panjang di sini Khamis lalu.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, pihaknya percaya kebakaran yang memusnahkan kawasan seluas kira-kira 1.2 hektar dilakukan penceroboh di kawasan hutan itu.

Menurutnya, pihak bomba masih berada di lokasi menjalankan kerja pemadaman api.

“Kita dalam proses mengenal pasti pihak terlibat selain melihat sekiranya terdapat penglibatan orang asing yang meneroka kawasan tanah gambut itu.

“Kebakaran sukar dipadamkan kerana kawasan ini merupakan tanah gambut yang menyebabkan api cepat merebak selain faktor cuaca agak panas menyukarkan proses pemadaman sepenuhnya,” katanya ketika menghadiri Majlis Jalinan Kasih Parlimen Klang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelabuhan Klang semalam.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SELANGOR MASIH TUNGGU KEPUTUSAN TARIF AIR
MUKA SURAT	37

Selangor masih tunggu keputusan tarif air

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor masih menunggu keputusan daripada Kerajaan Persekutuan berkaitan kadar tarif air di negeri itu.

Menteri Besar Selangor Amirudin Shari berkata, pihaknya akan memastikan kadar yang sesuai dikenakan bagi mengurangkan beban terutama golongan B40.

“Kita menunggu Kerajaan Pusat menyelesaikan kadar yang sesuai dan ada formula untuk mengurangkan beban terutama golongan B40.

“Saya masih tunggu kata putus daripada persekutuan dan akan umumkan nanti. Sekarang masih lagi belum sampai ke peringkat Air Selangor,” katanya di sini semalam.

AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	SELANGOR MULA KEMPEN BEBAS STRAW PLASTIK DI SEMUA PREMIS MAKANAN
MUKA SURAT	15

Selangor mula kempen bebas straw plastik di semua premis makanan

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor menggesa semua premis menjual makanan supaya mematuhi arahan larangan penggunaan penyedut minuman plastik sekali guna atau straw plastik bermula semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian berkata, bagi menyahut kempen itu, pihaknya mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk meletakkan satu klausa menggalakkan pemilik premis turut serta dalam kempen ini.

Beliau berkata, arahan klausa berkaitan perkara itu akan diletakkan di borang permohonan pembaharuan lesen perniagaan.

“Arahan untuk meletakkan klausa baharu ini bermula hari ini (semalam).

“Kami mahu semua pemilik premis makanan di Selangor untuk tidak lagi menyediakan penyedut minuman plastik di kaunter untuk diambil secara



PENGGUNA disaran menggunakan straw yang diperbuat daripada buluh. – Gambar hiasan

bebas oleh pelanggan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melakukan tinjauan hari pertama Kempen Bebas Straw Plastik di Plaza Shah Alam, Seksyen 9 di sini semalam.

Turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim.

“Buat masa ini, kami belum mengadakan penguatkuasaan lagi dan tiada



LOY SIAN (tengah) memberi straw yang diperbuat daripada buluh kepada orang ramai pada kempen bebas straw plastik di Plaza Shah Alam, Shah Alam semalam.

tindakan denda terhadap mereka yang gagal patuh pada kempen ini. Namun, kita mahu pengguna dibiasakan dengan penggunaan straw yang dibuat dari kertas, buluh dan besi,

“Ini adalah cara untuk

kita mendidik rakyat di negeri ini supaya dapat mengurangkan penggunaan straw plastik ini sebelum penguatkuasaan sebenar dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2025 nanti,” katanya.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	ENAM TAHUN SEBELUM KUAT KUASA DENDA
MUKA SURAT	7

4.M (7)

Enam tahun sebelum kuat kuasa denda

Shah Alam: Kerajaan negeri memberi tempoh hingga 2025 kepada pengusaha restoran menghentikan penggunaan penyedut minuman plastik sebelum langkah penguatkuasaan dilaksanakan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian berkata, setakat ini tindakan undang-undang serta penguatkuasaan bagi kesalahan menggunakan penyedut minuman plastik belum dilaksanakan.

"Kami beri masa kepada pengusaha restoran dan pengguna menghentikan penggunaan penyedut minuman plastik menjelang 2025.

"Pada 2025 kami laksanakan denda sewajarnya jika masih ada pengusaha restoran dan pengguna masih menggunakan bahan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas lawatan turun padang bersama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Datuk Haris Kasim ke premis makanan dan minuman di sini, semalam.

Pada lawatan itu beliau dan Haris menyerahkan notis peringatan sempena kempen penguatkuasaan penggunaan penyedut minuman plastik.

Menurutnya, biarpun tempoh enam tahun itu lama, pihaknya percaya penduduk Selangor mampu memberikan kerjasama.

FAKTA
Penguatkuasaan henti guna penyedut minuman plastik bermula 2025



HEE (kanan) mengagihkan penyedut minuman guna pakai kepada pelanggan di restoran, semalam.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	SUNWAY, PKNS TUBUH ANAK SYARIKAT
MUKA SURAT	31



SARENA (dua dari kiri) dan Mohd Azizi pada majlis memeterai perjanjian.

Sunway, PKNS H.M (31) tubuh anak syarikat BISNES

Nabil Basaruddin
nabilbasaruddin@-
hmetro.com.my

■ **Perkongsian 60:40 maju pembangunan bercampur di atas tanah seluas 9.5 ekar di Kota Damansara**

Kuala Lumpur

Sunway Bhd memeterai perjanjian penswastan bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melalui anak syarikat 60:40 dengan PKNS yang dikenali sebagai Sunway PKNS Sdn Bhd untuk memajukan pembangunan bercampur di atas tanah pegangan pajak 9.5 ekar di Kota Damansara.

Pengarah Urusan Bahagian Hartanah Sunway, Sarena Cheah memeterai perjanjian

itu bagi pihak Sunway PKNS Sdn Bhd bersama Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain.

Sunway dalam kenyataannya berkata, cadangan pembangunan itu akan merangkumi apartmen servis dan unit runcit gaya hidup dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM544 juta dan dijangka siap pada 2025.

Menurut syarikat itu, cadangan pembangunan yang terletak di Kota Damansara itu bakal dikelilingi pelbagai kemudahan peruncitan seperti Sunway Giza, Sunway

Nexis dan IKEA Damansara serta institusi pendidikan seperti Sri KDU dan SEGi University, selain beberapa institusi penjagaan kesihatan.

Selain itu, katanya, Sunway juga menyasarkan untuk membuka sebuah pusat penjagaan kesihatan di kawasan pembangunan itu pada 2022.

Katanya, Sunway PKNS akan membayar nilai hak RM36.6 juta, bahagian hasil RM50 juta atau jumlah bersamaan dengan 8.88 peratus nilai jualan kasar pembangunan tanah berkenaan.

"Ia ditolak dengan diskaun Bumiputera yang diluluskan pihak berkuasa berkaitan, diskaun jualan lain dan kos insentif pembelian yang ditawarkan oleh Sunway PKNS kepada pembali hartanah yang akan dibangunkan di atas tanah berkenaan, yang mana lebih tinggi.

"Selain itu, ia ditolak sebahagian keuntungan sebelum cukai daripada cadangan pembangunan berjumlah RM38 juta, memandangkan PKNS adalah pemegang saham yang memegang 40 peratus dalam Sunway PKNS," katanya.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	RM1,500 KINI RM7,000 SEBULAN
MUKA SURAT	15

RM1,500 kini RM7,000 sebulan

Klang: Dua asnaf kini mampu tersenyum apabila bergelar usahawan selepas menerima bantuan trak makanan melalui zakat diterima bagi memulakan perniagaan.

Kamarul Arrifin Abdullah, 45, berkata, empat tahun lalu dia mengusahakan perniagaan yong tau fu dan tauhu bakar di satu lokasi tetap dengan pendapatan bulanan sekitar RM1,500 saja.

Menurutnya, kehidupannya berubah selepas menerima bantuan trak makanan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS).

“Syukur perniagaan saya semakin berkembang kerana

bebas berniaga di mana saja khusus di lokasi tumpuan ramai hingga dikenali dalam kalangan penduduk sekitar Puncak Alam.

“Lebih membanggakan apabila saya kini mampu meraih pendapatan sekurang-kurangnya RM7,000 sebulan,” katanya ketika ditemui pada Majlis Jamuan Raya TERAS di sini, semalam.

Sementara itu, peniaga makanan dan minuman, Suriana Jali, 45, berkata, sebelum menerima bantuan trak makanan dia menggunakan Perodua Kelisa miliknya untuk mengangkut barangan jualan ke tapak perniagaan.

“Keluasan Perodua Kelisa yang terhad menyebabkan

saya tidak boleh bawa barangan jualan dalam kuantiti yang banyak. Kadang-kadang saya tidak memperoleh keuntungan.

“Namun, semuanya berubah apabila saya terlihat sebuah trak makanan tertera cetakan LZS. Saya membuat carian, seterusnya memohon bantuan bagi mendapatkan kenderaan itu.

“Saya berjanji pada diri saya untuk keluar daripada senarai golongan asnaf. Alhamdulillah, usaha itu tidak sia-sia dan kini saya mampu mengupah tiga pekerja,” katanya.

Manakala Pengerusi TERAS Datuk Ibrahim Md Yusof berkata, usahawan berkenaan adalah individu berjaya



IBRAHIM (dua dari kiri) bersama Kamarul (tiga dari kanan) yang menerima bantuan trak makanan daripada Lembaga Zakat Selangor dan TERAS.

H.M (15)

keluar daripada senarai golongan asnaf.

hasil usaha keras mereka yang memiliki azam tinggi

dengan memanfaatkan sepenuhnya bantuan zakat

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	KERAJAAN NEGERI KOMITED KEKANG PENCEMARAN
MUKA SURAT	13

Kerajaan negeri komited kekang pencemaran

Kuala Lumpur: Beberapa kerajaan negeri menyatakan komitmen untuk mengekang pencemaran dengan memastikan setiap pembangunan kawasan industri mematuhi garis panduan zon penampungan yang ditetapkan.

Malah, ada kerajaan negeri bersedia mengambil tindakan tegas menghentikan operasi atau memindahkan kilang yang dikesan membuang sisa toksik.

Di **Georgetown**, kerajaan Pulau Pinang sentiasa memastikan setiap zon industri mematuhi garis panduan zon penampungan yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

EXCO Kebajikan, Alam Sekitar dan Masyarakat Penyayang negeri, Phee Boon Poh, berkata semua kawasan industri perlu mengikut syarat pembahagian zon pembangunan yang melebihi jarak 500 meter (m) dengan penempatan penduduk.

"Ketika ini, kerajaan Pulau Pinang melaksanakan zon penampungan mengikut kelas aktiviti perindustrian berdasarkan *Guidelines for Siting and Zoning of Industries* yang dikeluarkan oleh JAS," katanya.

Di **Seremban**, setiap kilang di Negeri Sembilan disyaratkan menjalankan operasi sekurang-kurangnya 500m dari kawasan perumahan supaya tidak mendatangkan risiko kesihatan kepada penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata semua kilang sentiasa diingatkan mematuhi peraturan alam sekitar atau berdepan tindakan tegas.

"Kita boleh mengambil tindakan termasuk menghentikan operasi kilang mengikut Seksyen 38 Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, manakala PBT boleh arah-

kan mereka berpindah ke lokasi lain.

"Di Negeri Sembilan, terdapat 2,556 premis kilang yang beroperasi dan 1,069 daripadanya menghasilkan sisa buangan yang akan dilupuskan secara berjadual di Tapak Pelupusan Bukit Nanas," katanya.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) bertindak secara proaktif membentuk kerjasama dengan agensi lain, untuk memastikan tiada isu berkaitan pencemaran udara berlaku di daerah itu.

Yang Dipertuanya, Datuk Zazali Salahudin, berkata selain memantau semua kilang industri yang beroperasi dalam kawasan PBT itu, pihaknya turut bekerjasama dengan JAS, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Di **Johor Bahru**, kerajaan Johor akan melaksanakan kajian terperinci dan penstrukturan baharu zon penampungan kawasan perindustrian dengan penempatan penduduk di Pasir Gudang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Johor, Dzulkefly Ahmad, berkata zon penampungan sedia ada memang sudah ditetapkan mengikut kategori industri yang dibangunkan, namun perkara itu perlu diteliti semua membabitkan kawasan Pasir Gudang.

Katanya, bagi mewujudkan zon penampungan industri yang lebih jauh jaraknya dengan penempatan penduduk khususnya di Pasir Gudang tidak boleh diputuskan dengan terburu-buru, sebaliknya memerlukan kajian dan penstrukturan semula.

"Walaupun kes di Taman Mawar yang terletak kira-kira enam kilometer dari Sungai Kim Kim tidak besar dan punca sebenar belum diketahui, langkah berjajaga perlu diambil.

"Sudah sampai masanya kera-

jaan Johor mengambil tindakan holistik dan menyeluruh untuk pastikan Pasir Gudang selamat didiami," katanya.

Di **Shah Alam**, Pemantauan secara bersepadu dengan agensi lain menjadi amalan dalam mengurangkan isu pencemaran kilang di Selangor.

Pengarah JAS negeri, Shafe'e Yasin, berkata pihaknya mengambil tindakan proaktif dengan mengenal pasti punca yang berpotensi membawa pencemaran.

"Pemantauan ketat dilakukan untuk mengurangkan sehingga serendah mungkin kes membabitkan pencemaran, termasuk bahan kimia," katanya.

Di **Melaka**, JAS negeri akan mengenakan tindakan terhadap pemilik tanah di Pengkalan, Machap Jaya yang menjadikan kawasan itu sebagai tapak pelupusan dan pembakaran sampah terbuka.

Pengarahnya, Ramli Osman, berkata tindakan kompaun dikenakan ke atas pemilik tanah mengikut Seksyen 29A, selain notis arahan dikeluarkan mengikut Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 bagi memastikan kejadian sama tidak berulang.

"Kita menerima aduan pembakaran terbuka berlaku di hutan berhampiran Taman Lesung Batu Jaya membabitkan sisa buangan daripada tayar, plastik, dan kayu pallet," katanya.

Di **Kota Kinabalu**, Sabah tidak berdepan isu pencemaran serius yang dikaitkan dengan aktiviti perindustrian atau pembuangan sisa berjadual yang tidak mengikut peraturan.

Ketua Unit Aduan dan Perhubungan Awam JAS negeri, Roslina Diwa, berkata setakat ini kebanyakan kes yang dilaporkan lebih kepada masalah pencemaran biasa seperti asap hitam, habuk dan pembuangan minyak hitam.

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	SUNWAY BINA PEMBANGUNAN BERCAMPUR RM544JUTA
MUKA SURAT	53

Sunway bina pembangunan bercampur RM544 juta

Meterai perjanjian penswastaan bersama PKNS

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Sunway Bhd memeterai perjanjian penswastaan bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melalui anak syarikat 60:40 dengan PKNS, Sunway PKNS Sdn Bhd, untuk memajukan pembangunan bercampur di atas tanah pegangan pajak 9.5 ekar di Kota Damansara.

Pengarah Urusan Bahagian Hartanah Sunway, Sarena Cheah memeterai perjanjian itu bagi pihak Sunway PKNS Sdn Bhd bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PKNS, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain.

Cadangan pembangunan itu akan merangkumi apartmen servis dan unit runcit gaya hidup dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM544 juta dan disasarkan siap pada 2025.

Terletak di kejiranan matang Kota Damansara, cadangan pembangunan itu akan dikelilingi oleh pelbagai kemudahan peruncitan termasuk Sunway Giza, Sunway Nexis dan IKEA Damansara; institusi pendidikan seperti Sri KDU dan SEGi University, selain beberapa institusi penjagaan kesihatan.



Cheah (dua dari kiri) bersama Mohd Azizi pada majlis memeterai perjanjian penswastaan bersama PKNS, baru-baru ini.

Sunway juga menyasarkan untuk membuka sebuah pusat penjagaan kesihatan di kawasan pembangunan itu pada 2022.

Mudah diakses melalui lebuh raya utama seperti Lebuhraya Lembah Klang Baru (NKVE), Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) dan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) yang akan siap tidak lama lagi, cadangan pembangunan itu terletak kira-kira tiga kilometer dari stesen MRT Kota Damansara serta Persiaran Surian.

Sunway dalam kenyataannya berkata, Sunway PKNS akan membayar nilai hak RM36.6 juta, bahagian hasil RM50 juta atau jumlah bersamaan dengan 8.88 peratus nilai jualan kasar pembangunan tanah berkenaan.

Ia, katanya ditolak dengan diskaun Bumiputera yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan, diskaun jualan lain dan kos insentif pembelian yang ditawarkan oleh Sunway PKNS kepada pembali hartanah yang akan dibangunkan di atas tanah berkenaan, yang mana lebih tinggi.

“Selain itu, ia ditolak sebahagian keuntungan sebelum cukai daripada cadangan pembangunan berjumlah RM38 juta, memandangkan PKNS adalah pemegang saham yang memegang 40 peratus dalam Sunway PKNS,” katanya.

Cadangan pembangunan itu akan menambah 9.5 ekar kepada simpanan tanah Sunway, sekali gus memberikan sokongan kepa-

da pendapatan masa depan kumpulan.

Termasuk tanah itu, simpanan tanah Sunway kini seluas 3,284 ekar termasuk di Malaysia, Singapura, China dan India dengan GDV RM56.6 bilion.

Jualan belum dibilkan Sunway adalah RM2.2 bilion setakat Mac 2019.

Setakat tahun ini, Sunway telah melaksanakan pembangunan Sunway Onsen Suites, Sunway Avila dan Sunway Velocity Two.

Pembangunan terbabit diterima dengan baik, dengan purata kadar pembelian sehingga 80 peratus.

Bagi 2019, Sunway menjangkakan pelancaran bernilai sehingga RM2 bilion.

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	SELANGOR MAHU BEBAS STRAW PLASTIK
MUKA SURAT	61



Loy Sian memberi penerangan kepada pelanggan kegunaan penyedut minuman guna pakai di Shah Alam, sambil diperhati Haris (dua kanan).

[Foto Roslin Mat Tahir /BH]

Selangor mahu bebas straw plastik

Shah Alam: Selepas kempen bebas penggunaan bekas polistirena dan beg plastik berkuatkuasa 1 Januari 2016, Kerajaan Selangor semalam memulakan kempen hindari penyedut minuman plastik.

Ini adalah antara usaha mengurangkan penggunaan penyedut minuman plastik, bagaimanapun penguatkuasaan larangan penggunaan bahan itu hanya akan dijalankan pada 2025.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian, berkata buat masa ini pihaknya akan menjalankan kempen mendidik pemilik restoran serta orang awam supaya meng-

hindari penggunaan plastik sekali guna.

“Pada kempen hari ini (semalam), kita dapati masih ada pemilik restoran yang tidak tahu mengenai usaha kita ini. Justeru, kita akan berikan mereka masa untuk biasakan diri dengan amalan ini.

“Tiada penguatkuasaan dijalankan sepanjang tempoh enam tahun ini kerana kita ingin mendidik rakyat mengenai kepentingan memelihara alam sekitar dengan menghindari plastik sekali guna,” katanya pada pemberita, di sini semalam.

Terdahulu, beliau menyertai kempen #BebasStrawPlastik Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Plaza Shah Alam, di sini.

Turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim.

Dalam lawatan sempena kempen berkenaan, Loy Sian dan Haris menyerahkan notis peringatan hindari penggunaan penyedut minuman plastik kepada beberapa restoran di dalam pusat beli belah itu.

Loy Sian berkata sepanjang tempoh enam tahun kempen itu, pemilik restoran digesa menukar penggunaan penyedut minuman daripada plastik kepada kertas atau buluh yang boleh dikitar semula.

Katanya, dalam tempoh enam bulan, satu klausa akan dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan kepada pemilik restoran yang mahu memperbaharui lesen supaya tu-

rut mengadakan kempen hindari penggunaan penyedut minuman plastik.

“Sepanjang kempen ini, penyedut minuman plastik tidak akan diberikan kepada pengguna secara automatik, malah restoran dilarang menyediakan penyedut minuman plastik di kaunter, yang bebas diambil oleh pelanggan.

“Penyedut minuman plastik masih boleh diberikan atas permintaan pelanggan,” katanya.

Beliau berkata, penduduk Selangor menggunakan kira-kira 100 juta penyedut minuman plastik dalam masa sebulan. Justeru, kempen berterusan perlu dilakukan bagi mengurangkan penggunaannya.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	SUNWAY, PKNS BANGUNKAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR
MUKA SURAT	38

Sunway, PKNS bangunkan pembangunan bercampur

KUALA LUMPUR 1 Julai - Sunway Bhd. memeterai perjanjian penswastaan bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melalui anak syarikat 60:40 dengan PKNS, Sunway PKNS Sdn. Bhd. untuk memajukan pembangunan bercampur di atas tanah pegangan pajak 3.84 hektar di Kota Damansara.

Pengarah Urusan Bahagian Hartanah Sunway, Sarena Cheah berkata, cadangan pembangunan itu akan merangkumi apartmen servis dan unit runcit gaya hidup dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM544 juta dan disasarkan siap pada 2025.

Beliau berkata, projek tersebut yang terletak di kawasan Kota Damansara akan dikelilingi oleh pelbagai kemudahan peruncitan termasuk Sunway Giza, Sunway Nexis dan IKEA Damansara serta institusi pendidikan seperti Sri KDU dan SEGi University, selain beberapa institusi penjagaan kesihatan.

Beliau berkata, Sunway PKNS akan membayar nilai hak RM36.6 juta, bahagian hasil RM50 juta atau jumlah bersamaan dengan 8.88 peratus nilai



DARI kiri, Ketua Pegawai Kewangan Bahagian Pembangunan Hartanah Sunway Berhad Property, Wai Sow Fun; Sarena Cheah dan Mohd. Azizi Mohd. Zain pada majlis menandatangani perjanjian penswastaan di Kuala Lumpur, semalam.

jualan kasar pembangunan tanah berkenaan.

“Ia ditolak dengan diskaun bumiputera yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan, diskaun jualan lain dan kos insentif pembelian yang ditawarkan oleh Sunway PKNS kepada pembeli hartanah yang akan dibangunkan di atas tanah berkenaan, yang mana lebih tinggi.

“Selain itu, ia ditolak sebahagian

keuntungan sebelum cukai daripada cadangan pembangunan berjumlah RM38 juta, memandangkan PKNS adalah pemegang saham yang memegang 40 peratus dalam Sunway PKNS,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Cheah memeterai perjanjian itu bagi pihak Sunway PKNS Sdn. Bhd. bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PKNS, Datuk Mohd. Azizi Mohd. Zain.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	KDEBWM AMBIL ALIH URUS KUTIPAN SAMPAH
MUKA SURAT	46

KDEBWM ambil alih urus kutipan sampah

HULU SELANGOR 1 Julai - Bermula semalam, semua kerja kutipan sisa pepejal dan sampah pukal dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) akan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak KDEB Waste Management (KDEBWM).

Yang Dipertua MDHS, Shukri Mohamad Hamin berkata, pihaknya berharap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal selepas pengambilan oleh KDEBWM adalah lebih baik, efektif dan mengurangkan aduan daripada penduduk serta mengharumkan nama baik pihak berkuasa tempatan itu seterusnya Kerajaan Negeri Selangor.

“Saya berharap KDEBWM sentiasa menjaga prestasi kontraktor serta memastikan tiada sebarang masalah aduan dan kutipan sampah di tapak yang boleh menyebabkan masalah pencemaran bau serta gangguan lalat dan haiwan lain,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Penyerahan Kompaktor bagi Pengurusan Kutipan Sampah Domestik di Taman Milenium, Kuala Kubu Bharu, di sini.

Yang turut hadir Ramli Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEBWM, Ramli Mohd. Tahir, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Raja Muzaffar Raja Redzwa, Ahli Majlis MDHS, wakil-wakil kontraktor serta Jawatankuasa Penduduk.

Pada majlis itu, sebanyak 23 lori kompaktor dilengkapi pelbagai peralatan dan teknologi canggih diserahkan kepada subkontraktor untuk kegunaan kerja kutipan sampah domestik di kawasan Hulu Selangor.

Pergerakan setiap lori kompaktor itu akan dipantau melalui penggunaan *Vehicle Monitoring System (VMS)* secara berpusat di Centralized Command Center (CCC) di Ibu Pejabat KDEBWM, Shah Alam Selangor.



SHUKRI MOHAMAD HAMIN (tengah) melepaskan lori kompaktor sebagai simbolik penyerahan pengurusan sisa domestik oleh MDHS kepada KDEBWM di Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor baru-baru ini.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	TAMAN RIMBA TEMPLER DICEMARI SAMPAH
MUKA SURAT	46 & 47

Taman Rimba Templer dicemari sampah

SISA makanan dan bara unggun api yang ditinggalkan pengunjung Taman Rimba Templer, Rawang Selangor.



Oleh NUR IZZATI IZZAH NADZI
kota@utusan.com.my

■ RAWANG 1 JULAI

TAMAN Rimba Templer yang terletak di Jalan Rawang -Kuala Lumpur di sini cukup popular dalam kalangan pencinta alam semula jadi dan menjadi tumpuan orang ramai untuk beriadah dan berkelah terutama hujung minggu serta cuti umum.

Terletak di tengah-tengah hutan semulajadi pusat rekreasi itu mudah dikunjungi kerana berdekatan jalan utama dan mempunyai beberapa kemudahan termasuk tempat letak kenderaan, gerai dan tandas awam.

Kejernihan air sungai yang mengalir menyusuri batu-batuan cukup menggamit pandangan dan menarik perhatian sesiapa sahaja untuk meng-



hampiri gigi air.

Namun disebabkan sikap segelintir pengunjung taman rimba berkenaan yang suka membuang sampah merata-rata

telah mencemarkan persekitaran di situ malah sisa makanan yang ditinggalkan dan berbau busuk telah mengundang kehadiran binatang liar.



TINDAKAN membuang sampah di merata-rata tempat yang dilakukan segelintir pengunjung mencemarkan alam semulajadi.



Dakwa pengunjung hasrat untuk menikmati keindahan suasana sungai sering terganggu apabila melihat longgokan sampah-sarap.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke taman rimba berkenaan baru-baru ini mendapati dakwaan itu berasas.

Terdapat kawasan perkhemahan dibina selain sisa makanan dan sisa bara api unggun yang baharu ditinggalkan.

Papan tanda amaran larangan membuang sampah juga tidak dihiraukan pengunjung.

Malah kehadiran beberapa ekor anjing dan monyet di situ memberi petanda kawasan itu tidak selamat untuk dikunjungi.

Seorang pengunjung yang hanya mahu dikenali sebagai Alex, 30, berkata, ini merupakan kali pertama dia berkunjung ke taman rimba tersebut untuk melihat keadaan sekeli-

ling yang menenangkan.

“Saya agak terkejut apabila melihat longgokan sampah sarap di situ.

“Mujurlah mereka tidak membuang sampah ini ke dalam sungai jika tidak sudah pasti air di sini turut tercemar,” katanya.

Seorang lagi pengunjung yang berusia lingkungan 50-an berkata, dia kerap ke sini bagi merhatkan diri dan hari ini ke taman itu untuk berhenti seketika untuk menyejukkan enjin keretanya.

Menurutnya, tindakan segelintir pengunjung membuang sampah di kawasan itu hanya menjejaskan imej taman rekreasi itu.

“Walaupun kerja-kerja kutipan sampah dilakukan pihak berkuasa tempatan, sebagai pengunjung kita seharusnya lebih bertanggungjawab menjaga kebersihan bagi mengekalkan keindahan kawasan ini,” ujarnya.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	PLASTIC-FREE ADVOCATES GAIN MBPJ RECOGNITION
MUKA SURAT	2

Plastic-free advocates gain MBPJ recognition

By OH ING YEEN
 ingyeen@thestar.com.my

DO you have what it takes to be a "waste warrior"?

Petaling Jaya City Council's (MBPJ) Solid Waste Management and Public Cleansing Department squad is on the lookout for people who practise a plastic-free lifestyle when shopping or getting takeaway.

Personnel from the department will be patrolling Petaling Jaya, especially markets, food courts, restaurants, shopping malls, supermarkets, schools, government agencies and private companies to catch people in the act.

The identified waste warriors will be acknowledged for their green efforts and be given souvenirs, a T-shirt, certificate and have their photo uploaded to the city council's social media platforms.

Several of them were awarded during the launch of MBPJ's Zero Single-Use Plastics campaign held at the council's headquarters.

The campaign is in line with the Federal Government's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030 that was launched last October.

In his speech, Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar said the ban on single-use plastics would also be imposed for business, hawker and development licences as well as infrastructure permits.

"For existing licence holders, this requirement will come into effect from January next year."

The city council will also increase the public's and business owners awareness of the use of eco-label items such as ECO 001 (biodegradable and bio-compost items) and ECO 009 (products made from biomass).

To set an example, MBPJ will initiate a Shared Tapao Corner, which will be set up in every department.

Also present at the launch were department director Lee Lih Shyan and MBPJ councillors.



Mohd Sayuthi (left) and deputy mayor Johary Anuar launching the campaign to discourage single-use plastics.



KERATAN AKHBAR 2 JULAI 2019 (SELASA)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	MBSA PHOTO CONTEST
MUKA SURAT	2

MBSA PHOTO CONTEST

Shah Alam City Council (MBSA) is organising a photo competition titled 'We Love Shah Alam' until Aug 30. Participants can choose from three categories; architecture, nature and lifestyle. Entry is free and open to Malaysians aged 18 and above. For details, call 03-5510 5133 ext 1250 and 1431.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	PLASTIC STRAWS STILL FREELY AVAILABLE
MUKA SURAT	4

Plastic straws still freely available

Convenience, hygiene, cost and ignorance cited as reasons for not adhering to directive

By EDWARD RAJENDRA,
FATIN IZZATI and
KANIMOLI MANIMARAN
metro@thestar.com.my

SELANGOR has kicked off its ban on plastic straws but a quick check at several eateries in Petaling Jaya and Shah Alam revealed a lack of awareness among operators about the prohibition.

Although the ban against providing plastic straws unless requested by customers was announced since May, many restaurants were still serving drinks with plastic straws by default.

PJ Section 16 Happy Chef Corner manager Lee Teck Kang, 31, said he was unaware of the ban on straws.

"Customers who are foreigners sometimes do not know our herbal tea which is why we use different coloured straws to help them identify which is which.

"However, we will support the state government in banning straws.

"It is also better for us as we can cut down the cost for straws," he said.

The state government imposed the ban with the aim of eliminating single-use plastics.

State Environment, Green Technology and Consumer Affairs, Science, Technology and Environment Committee chairman Hee Loy Sian, in announcing the ban on May 18, said Selangor would prohibit eateries from habitually providing customers with single-use plastic straws.

"We will instruct all eateries, be they restaurants or neighbourhood coffeeshops, to stop providing plastic straws with every drink."

However, outlets are allowed to provide straws upon request.

Despite the six-week notice, not all eateries are on board. Some are concerned about the cost of doing away with plastic straws and offering replacements such as sippy cup lids and paper straws.

Sajian Melayu restaurant owner, who only wanted to be known as Ali, 57, asked, "Who would bear the cost if we provide beverages in cups with sippy cup-like lid covers?"

"Not a lot of people want to bring their own straw," he noted.

Convenience and hygiene were some of the excuses given by customers using plastic straws at the eateries.

A Happy Chef Corner customer Jefri Nordin, 45, said it was inconvenient for people to bring their own metal straws around.

Though he admitted that he was aware of the ban, Jefri claimed that he did not realise it had started.

Another customer, Hafiz Hashim, 39, said he preferred using straws.

"I feel it is not very hygienic for us to drink directly from the glass if straws are not provided," he said.

Others *StarMetro* spoke to said they were fine drinking without straws but mentioned the convenience factor, especially when having drinks on the go.

"From now on, we have to be prepared to bring our own reusable drinking containers," said a customer who only wanted to be known as Wati, 41.

Some eateries, however, have embraced the policy.

Commons Cafe worker Nur Suzilawati Abdul Karim, 39, said they were aware of the ban and fully support it.

"We will only provide straws to customers who ask for them."



Hee putting up the 'no straw by default' notice at a restaurant during his walkabout in Shah Alam. At right is Haris. — K.K. SHAM/The Star

Although the "no straw by default" ban has already started, eateries will not face any penalties — for the moment.

They will instead be issued a gentle reminder by the respective local councils.

Need for awareness

Hee is aware of the need to create awareness of the policy before it becomes law.

During a 35-minute walkabout at Plaza Shah Alam's food outlets in Section 9 yesterday, Hee said he wanted to observe, share with diners about the campaign and get feedback.

"All food and beverage outlets in Selangor are prohibited from providing plastic straws at the counter to be freely picked up by customers.

"But I notice there are fast food outlets still giving out plastic straws, so this walkabout is to create awareness," said Hee, who was accompanied by Shah Alam mayor Datuk Haris Kasim, Shah Alam City Council (MBSA) Licensing Department's enforcement unit and several councillors.

"With MBSA officers, I had put up 'no plastic straw by default' notices on the walls of the outlets to educate the workers



Many eateries are still offering straws to customers without them asking.



Some customers say drinking on the go without straws would be problematic.

and patrons," he said.

Hee added that the policy aimed to reduce the use of plastic straws, as millions end up in landfills and waterways.

"Our aim now is to change people's culture to opt for paper straws or reusable straws. It will take time.

"The Selangor government is giving eateries until 2025 before it becomes a ruling.

"Our approach is reasonable as people will have six years to get accustomed to the change and manufacturers will have time to

provide compostable alternatives," he said.

Hee added that all local authorities would also include the "no plastic straw by default" in the Terms of Business Licence Application when restaurant operators submit new applications or renew their business licence.

"Putting in this clause in the licence application for the implementation of this policy is expected to help the government control environmental pollution and maintain cleanliness in Selangor," he said.



Many customers are still using straws despite the state government's directive to reduce their use. — YAP CHEE HONG/The Star

AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	SELANGOR KICKS OFF NO PLASTIC STRAW CAMPAIGN
MUKA SURAT	11

6-YEAR GRACE PERIOD

Selangor kicks off no plastic straw campaign

SHAH ALAM: The Selangor government has kicked off its Plastic Straw Free (#BebasStrawPlastik) campaign yesterday, but strict enforcement will be enforced only by 2025.

State Environment, Green Technology, Science and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian urged consumers, as well as food and beverage outlets to use the six-year grace period to get themselves adjusted to the new policy.

"There will be no enforcement and fines yet, as we want to create awareness among the people on the importance of preserving and protecting the environment. This policy is not to burden the people. I hope Selangor folk will cooperate with us on this effort. Our aim is to cut down on single-use plastics.

"Some premises are unaware of this policy. This is fine.

"We shall give them time to adjust.

"I hope they will use this period to not just get used to refrain from



State Environment, Green Technology, Science and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian (right) handing over a 'No Plastic Straw' sign at the launch of the Plastic Straw Free (#BebasStrawPlastik) campaign in Shah Alam yesterday. BERNAMA PIC

requesting plastic straws, but put in effort to switch to alternatives, such as paper, stainless steel or bamboo straws," he said, after a walkabout in Plaza Shah Alam to inform food and beverage outlets of the policy and put up the state government's reminder notices.

Hee was accompanied by Shah Alam mayor Datuk Haris Kasim, deputy mayor Mohd Rashidi Ruslan, as well as Shah Alam City Council department heads and staff.

During the walkabout, bamboo and stainless steel straws were given to the public.

As part of the Plastic Straw Free campaign, single-use plastic straws will not be automatically given to consumers by default for each drink. Plastic straws are also prohibited from being placed at counters to be freely taken by customers. They could only be given upon request.

Starting this year, the state government will put in a clause as part of a condition when renewing business licences, where owners and operators must pledge to commit themselves to holding no plastic straw awareness campaigns.

The state government, along with its local councils, will embark on education and awareness campaigns to remind consumers to refrain from asking for plastic straws and encourage them to bring their own, and ideally switch to environment-friendly material.

Hee said state departments and agencies had been directed to stop using single-use plastics starting yesterday, which is in line with Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030 that was approved by the federal government.

He said it was imperative that Selangor folk did their part in protecting the environment.

"Selangor has 3.2 million people, and if everyone uses a plastic straw everyday, that figure will increase to about 100 million monthly.

"This a huge quantity. We want to reduce its usage, because these straws end up in rivers, drains, landfills and the sea. In beach clean-up efforts, 99 per cent of waste are plastic straws.

"So, it is time that consumers are made aware of this and assist in reducing pollution," said Hee.

AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	SUNWAY PKNS TO DEVELOP KOTA DAMANSARA LAND
MUKA SURAT	16



Sunway Bhd property division managing director Sarena Cheah (second from left) with Selangor State Development Corp chief executive officer Datuk Mohd Azizi Mohd Zain (second from right) at the signing of a privatisation agreement in Kuala Lumpur yesterday.

RM544M GDV

Sunway PKNS to develop Kota Damansara land

KUALA LUMPUR: Sunway Bhd has signed a privatisation agreement with the Selangor State Development Corp (PKNS) to develop a mixed-development project on a 3.8ha leasehold land in Kota Damansara, Selangor.

The project will be undertaken by a 60:40 joint venture called Sunway PKNS Sdn Bhd, with Sunway holding the majority stake.

Sunway property division managing director Sarena Cheah and PKNS chief executive officer Datuk Mohd Azizi Mohd Zain

signed the agreement yesterday.

Sunway said the development, with an estimated gross development value (GDV) of RM544 million, would comprise serviced apartments and lifestyle retail units. It is targeted to be completed in 2025.

The project is surrounded by retail amenities, including Sunway Giza, Sunway Nexis and IKEA Damansara, as well as educational and healthcare institutions.

Sunway has also targeted to open a healthcare centre in the

vicinity in 2022.

Sunway's landbank in Malaysia, Singapore, China and India now stands at 1,333ha, with a GDV of RM56.6 billion.

Sunway's unbilled sales were RM2.2 billion up to March.

Year-to-date, Sunway has rolled out Sunway Onsen Suites, Sunway Avila and Sunway Velocity Two.

The developments have been well-received, averaging an 80 per cent take-up.

Sunway has planned RM2 billion worth of launches this year.



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	SUNWAY TO DEVELOP SUNGAI BULOH LAND
MUKA SURAT	11

Sunway to develop Sungai Buloh land

PETALING JAYA: Sunway Bhd has entered into a privatisation agreement with Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) to accept the rights to develop 9.45 acres of leasehold land in Sungai Buloh, Selangor via its subsidiary, Sunway PKNS Sdn Bhd with a gross development value of RM544 million.

According to its filing with Bursa Malaysia, Sunway shall pay PKNS a rights value of RM36.6 million and revenue share of RM50 million or a sum equivalent to 8.88% of the gross value sales of the development of the land, whichever is higher.

Sunway also has to pay a portion of the profit before tax from the proposed development of a sum of RM38 million as PKNS is a shareholder holding 40% in Sunway PKNS.

The consideration on the proposed development will be funded through internally generated funds of Sunway PKNS.

The proposed development will comprise mainly serviced apartments with some lifestyle retail units. The project is expected to be completed within five years.

Sunway noted that the proposed development will add 9.5 acres of land to the group's landbank, providing further visibility to the its future earnings.

Sunway is upbeat on the future prospects of the development as the land is located in Kota Damansara with amenities like Sunway Giza, Sunway Nexis, Ikea Damansara, Sri KDU, SEGi University and healthcare provider, Thomson Hospital all located nearby.